

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 08 MAC 2018

MUKA SURAT: 45

Pelabuhan Klang: Gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Selangor bermula kelmarin, turut memberi kesan kepada kerja pemadaman kebakaran kedai kelas B di Jalan Kem di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 10 pagi, bangunan kedai dua tingkat berusia lebih 50 tahun terbakar 100 peratus namun tiada mangsa dilaporkan.

Komander Operasi, Nadzari Mazyani bagaimanapun berkata, bomba sudah maklum mengenai gangguan terbabit dan sentiasa bersedia dengan pelan sokongan.

“Memandangkan Klang antara kawasan mengalami gangguan bekalan air di Selangor pada awalnya kami mengalami sedikit kesukaran ketika menjalankan proses pemadaman api.

“Kami terpaksa mendapatkan bekalan air dari North Port iaitu dua lori tangki bomba berulang-alik mengangkutnya ke lokasi kebakaran,” katanya.



FOTO: FAIZ ANUAR

ANGGOTA bomba memadam kebakaran kedai di Jalan Kem Pelabuhan Klang, semalam.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pelabuhan Klang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Juyana @ Azlan Musa berkata, gangguan air tidak begitu ketara memandangkan bomba mempunyai lori tangki yang mampu membawa 20,000 liter air.

“Dalam kerja pemadaman kebakaran tadi, dua lori tangki digunakan bagi membantu empat jentera

bomba,” katanya.

Mengulas mengenai kebakaran terbabit katanya, bomba menerima panggilan pada jam 10.06 pagi dan tiba di lokasi tujuh minit kemudian.

“Kebakaran ini memabitkan tiga kedai yang masih beroperasi iaitu kedai gunting rambut, kedai video dan kedai peralatan memancing manakala dua lagi kedai kosong.

“Api tidak merebak dan dapat dikawal dengan baik memandangkan binaan bangunan terdiri daripada batu dan kayu. Pada masa sama, kami turut menerima bantuan jentera dari Andalas dan Kota Raja serta Kota Anggerik,” katanya.

Bagaimanapun Juyana berkata, punca kebakaran masih dalam siasatan dan jumlah kerugian juga belum dikenal pasti.